

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 25/08/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 17

Tajuk : Aplikasi cALLme memudahkan penumpang menempah teksi

KOSMO! SABTU 25 OGOS 2018

NEGARA! 17

Aplikasi cALLme memudahkan penumpang menempah teksi

PUTRAJAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) diberi tanggungjawab untuk menguruskan aplikasi e-hailing dikenali sebagai 'cALLme' yang dikhususkan untuk pemandu teksi.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, aplikasi itu yang dibangunkan untuk memudahkan pemandu teksi mendapat pelanggan dibuat dengan kerjasama Pertubuhan Pemandu Dan Pengusaha Teksi/Limosin Dan Kereta Sewa Malaysia (Petekma).

Aplikasi itu akan berope-

rasi sepenuhnya dalam tempoh sebulan lagi.

"Buat permulaan, aplikasi itu akan digunakan untuk pemandu teksi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sahaja.

"Ia merupakan susulan kejayaan penggunaan aplikasi ini di Johor Bahru sebagai projek perintis," katanya kepada pemberita pada Majlis Pemeteraian Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Angkasa dan Petekma di Kompleks Nasyrul Quran di sini semalam.

Pada majlis itu, Petekma

diwakili oleh Presidennya, Mohd. Syahrir Abd. Aziz manakala Abdul Fattah mewakili Angkasa. Pemeteraian MoU itu disaksikan oleh Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook.

Sementara itu, Siew Fook berkata, sistem tersebut sangat berguna untuk meningkatkan tahap perkhidmatan teksi.

"Penggunaan sistem ini seiring dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan industri teksi supaya berubah dengan menggunakan aplikasi dan teknologi baharu dalam operasi mereka," katanya.



ABDUL FATTAH (kiri) bertukar dokumen dengan Mohd. Syahrir pada Majlis Pemeteraian MoU antara Angkasa bersama Petekma sambil disaksikan Siew Fook (tengah) di Putrajaya semalam

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA